

CNS1199

U GB 11-11 00130 BA735

aab

MAHATHIR: PEGAWAI DAGANG DIBENAR MENETAP SEMENTARA DI LANGKAWI
Mahathir-LIMA

LANGKAWI, 11 Nov (Bernama) -- Malaysia kini ms:majukan Pulau Langkawi bagi industri udara tertentu dan perniagaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hat-i ini.

Katanya, keluasan tanah secukupnya telah diperolehi bersebelahan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi untuk tujuan itu.

+Bagi tujuan ini, kita berhasrat membenarkan pegawai-pegawai dagang untuk menetap sementara di sini.

+Banglo dan kondominium sedang dibina untuk dijual atau disewa atau secara psrkongsian bagi membolehkan pegawai-pegawai dagang itu menetap secara selesa,+ katanya pada perasmian Pameran Udara dan Laut Antarabangsa Langkawi (LIMA'91) di sini oleh Sultan Kedah.

+Makanan import dan pasaraya akan memenuhi keperluan pegawai-pegawai dagang itu, sebagaimana juga permintaan di seluruh Malaysia,+ katanya. -- Lagi

♥11/11/12-51MST

CNS1213

U GB 11-11 00134 BA736

aab

Mahathir-LIMA 2 Langkawi

Katanya, memandangkan I,angkawi sebuah kawasan dagangan bebas, import dan eksport tidak dikenakan cukai manakala komponen dan barangan boleh dibawa masuk untuk diproses atau di jual dan dieksport semula tanpa halangan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata selain itu, orang asing juga digalakkan mengadakan usahasama dengan rakan tempatan untuk membuat semua jenis bot dan kapal di Pulau Langkawi, sambil menambah kata bahawa Malaysia menyediakan pelbagai insentif untuk pelaburan seumpama itu.

+Tambahan pula negara mempunyai tenaga ksrja yang terlatih dan disiplin yang dapat menghadapi sebarang masalah bahasa.

+Sebagaimana juga dengan ksbanyakan pelabur yang menanam modal dalam pelbagai jenis industri pembuatan di Malaysia, saya yakin pelaburwn dalam pembuatan bot atau barangan laut lain di Malaysia tidak akan menyesal dengan keputusannya itu,+ katanya. -- Lagi

♥11/11/13-01MST

CNS1220

U GB 11-11 00163 BA737

aab

Mahathir-I.TMA 3 Langkawi

Katanya orangasing juga dipelawa "mendaftarkan bot merska di Malaysia dan menyimpan bot itu disini memandangkan negara ini tidak mengenakan cukai ke atas bot untuk bersuka ria.

+Kami berhasrat untuk menggalakkan penyediaan kemudahan servis dan penyelenggaraan bot di samping pembinaan jeti untuk kapal layar dan bot berlabuh di Malaysia, terutama di Langkawi, Tersngganu dan kemudian di Labuan, Pusat Kewangan Antarabangsa Pesisir Pantai,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, memandangkan semua negara Asia Tenggara mempunyai pantai yang panjang, bot peronda yang dilengkapi dengan peralatan sofistikated adalah diperlukan, termasuk permintaan untuk bot peronda dan kapal-kapal jenis lain bagi kegunaan polis, kastam dan imigrasi.

Pada masa ini, katanya, limbungan kapal rantau ini tidak dilengkapi peralatan yang sofistikated dan satu industri yang baru diperlukan untuk memenuhi permintaan ini.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia menyambut baik penubuhan sekolah penerbangan daruluar untuk dibuka secara usahasama dengan rakan niaga tempatan. -- Lagi

♥11/11/13-16MST

CNS1226

U GB 11-11 00181 BA738

aab

Mahathir-I.TMA 4 Langkawi (akhir)

Katanya, semua kerajaan di rantau ini menggalakkan penerbangan bukan sahaja kerana ia sejenis sukan yang besar tetapi dengan pnsmbangan pesat syarikat penerbangan di rantau ini, lebih banyak jurut **erbang akan** di perlukan pada masa hadapan.

Syarikat penerbangan negara di rantau ini terpaksa mengambil jurut erbang dari luar rantau, katanya, sambil menambah kata bahawa keperluan rantau akan dapat diatasi sekiranya lebih banyak belia menceburi bidang penerbangan.

Katanya keperluan untuk juruterbang komersial rantau ini dan penerbangan sebagai satu sukan akan meluaskan permintaan untuk pesawat pelatih dan pesawat untuk kegunaan sukan penerbangan dan terjun udara.

+Yang jelasnya, permintaan untuk pesawat kecil, dan jenis lain dalam pelbagai bentuk, akan meningkat di rantau Asia Timur pada masa **hadapan**.

+Kerana sebab ini, maka kerajaan Malaysia beranggapan mengadakan pameran udara untuk pesawat kecil adalah wajar dan kena pada waktunya,+ katanya.

Mengenai pertunjukan udara itu, katanya pertunjukan di Langkawi itu dapat menarik minat rantau ini yang kini bukan sahaja bertambah mewah tetapi kerana bentuk geografinya begitu rupa, menjadikan perjalanan udara satu keperluan. -- Bernama

♥11/11/13-32MST